

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>PBT digesa sita premis disyaki punca pencemaran</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Groups want to meet PM over Lynas licence renewal</u>	The Star	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Pemanasan Global Kian Membimbangkan Dunia</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Bukan sakit mental</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 4
5.	<u>16 sungai nazak</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
6.	<u>Anti-Lynas group want to meet PM</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 6
7.	<u>'Tolonglah selesaikan'</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Gading Kencana bida projek LSS3</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 8



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
9.	<u>150 juta terjejas cuaca panas di AS</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 9
10.	<u>Manusia akan melombong di Bulan pada abad ini</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 10
11.	<u>Fenomena gelombang haba 'membakar' Amerika Syarikat</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11
12.	<u>Gelombang haba terus melanda</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 12
13.	<u>Ulang tahun ke-50 misi ke bulan</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 13
14.	<u>India to Launching Chandrayaan-2</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 14
15.	<u>Astronauts blast into space on Apollo 11's 50th anniversary</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 15
16.	<u>U.S. Dangerously Hot</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 16
17.	<u>Wildfires force Portugal evacuations</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 17



LAMPIRAN 1 BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 19 TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

PBT digesa sita premis disyaki punca pencemaran

Shah Alam: Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyita premis disyaki menjadi penyumbang pencemaran sungai dan mengambil tindakan undang-undang kepada pihak terbabit melakukan kesalahan itu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, berkata setiap agensi kerajaan terutama PBT, perlu memantau aktiviti berlaku di sepanjang pesisir sungai dan mencegah aktiviti yang boleh memudaratkan sungai sebagai sumber air mentah utama negara.

"Sekiranya PBT peka dengan sebarang aktiviti mencurigakan di kawasan seliaan mereka, insiden pencemaran sebegini (kes pencemaran bau pada sumber air mentah di Selangor) dapat dielakkan dan ia sudah tentu tidak akan membebankan pengguna.

"PBT disaran menyita mana-mana premis yang disyaki menjadi penyumbang kepada pencemaran sungai dan seterusnya mengambil tindakan lanjut termasuk tindakan undang-undang kepada pihak terbabit," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Xavier turut menyarankan kepada agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) serta agensi bawah kerajaan negeri supaya mengambil langkah proaktif pencegahan melalui aktiviti pengauditan secara berterusan serta penguatkuasaan di sepanjang jajaran sungai, sama ada di Selangor atau negeri lain.

Beliau berkata, susulan kes pencemaran bau pada sumber air mentah di Selangor, petang Jumaat lalu, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan membuka kertas siasatan dan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang dikenal pasti, melalui Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Katanya, kejadian itu menyebabkan Syarikat Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) bertindak menutup tiga Loji Rawatan Air (LRA) utama iaitu Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP1, SSP2 dan SSP3 serta LRA Rantau Panjang, bagi mengelakkan air tercemar daripada diproses dan diagihkan kepada pengguna.

Dr Xavier berkata, tindakan itu menyebabkan bekalan air kepada hampir lima juta pengguna di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur terjejas.

Katanya, kerja pemulihan sumber tercemar giat dijalankan dan Pengurusan Air Selangor sedang memulihkan perkhidmatan secara berperingkat.

LAMPIRAN 2
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 2
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Groups want to meet PM over Lynas licence renewal

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Civil society groups are pleading to meet Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad before the Cabinet decides whether to renew the operating licence of Australia-owned Lynas Corp's rare earth processing plant in Gebeng, Pahang.

Save Malaysia Stop Lynas chairman Tan Bun Teet said the groups had written to Dr Mahathir seeking to meet him but their letter was neither acknowledged nor replied.

"It is not fair that he has met the Lynas CEO and listened to one side of the story but not us.

"We have made many attempts to make the government understand what is going on. I believe the truth never got to the government," said Tan in a joint press conference here yesterday.

During a trip to Japan in May, Dr Mahathir said that Malaysia would be renewing Lynas' licence, which is up for renewal in September.

The groups hoped to meet Dr

Mahathir within the next few weeks as it is believed that the Lynas licence renewal matter will be discussed in a Cabinet meeting in early August.

So far, over 80 groups including Bersih 2.0 and Parti Sosialis Malaysia have signed a petition demanding the Cabinet not renew the operating licence.


The petition will be presented to the Cabinet and MPs in the Parliamentary Caucus on Monitoring Lynas, said Tan.

The rare earth processed at LAMP comes from Mount Weld in Western Australia.

The groups warned of the hefty price tag that would come with the government's decision to renew Lynas' licence.

"Malaysia would have to pay to clean up its mega toxic waste, healthcare costs due to rising cancer cases, and losses sustained by the fishery and tourism industries," said Tan.

The groups also urged the government to consider the financial capability of Lynas to implement its



Making a point: Tan (right) with Bersih 2.0 chairman Thomas Fann speaking to the media on critical issues involving Lynas.

own proposal before deciding to renew its licence.

"Its ore consists of mostly light rare earth that is not worth much. It

has no intention to build a leak-proof permanent disposal facility that can last at least 1,000 years appropriate for its thorium waste

because it could not afford to do so," said Tan.

Last December, Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin said the shipping back of radioactive waste produced by Lynas was a pre-condition for the renewal of its licence.

However, Lynas' vice-president of people and culture Mimi Afzan Afza said while it was not impossible for Lynas to remove its water leach purification (WLP) residue from Malaysia, there was no necessity to do so at this stage.

Western Australia already said in 2011 that it would not accept the waste and reiterated the same stand last month.

As of last December, there were 451,564 tonnes of WLP and 1.113 million tonnes of neutralisation underflow (NUF) residue accumulated at Lynas Advanced Materials Plant in Gebeng.

Watch the video
thestartv.com



LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 13
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Pemanasan Global Kian Membimbangkan Dunia

PUTRAJAYA - Isu pemanasan global yang kini hangat diperkatakan oleh seluruh media di dunia berkaitan keadaan alam sekitar yang mengalami peningkatan suhu yang tinggi berbanding suhu normal. Tidak dinafikan pemanasan global kini menular berlaku di seluruh dunia yang diakibatkan oleh aktiviti manusia sendiri.

Aktiviti tersebut seperti menebang pokok, kegiatan industri berat, perkilangan, permotoran, penerokaan hutan, pembangunan hutan batu dan penguatan khazanah alam semula jadi yang dijadikan sebagai sumber keuntungan sesetengah syarikat terkemuka dunia dan orang perseorangan menjadi punca utama berlakunya pemanasan global.

Kesan saintifik pemanasan global ialah tahap pencairan salji di Kutub Utara semakin tinggi, paras air laut meningkat dan keluasan saiz daratan semakin mengecil. Kesan material ialah kejadian bencana alam seperti kemarau, banjir dan kebakaran manakala kesan kemanusiaan termasuklah kehilangan nyawa dan kecederaan. Sebenarnya, terdapat banyak faktor lain yang mempengaruhi pemanasan alam sekitar ini.

Kemungkinan ini tidak mustahil berlaku sekiranya masalah perubahan iklim global menjadi tidak terkawal yang seterusnya menyumbang kepada berlakunya pencairan ais di seluruh dunia yang mengakibatkan aras air laut meningkat, sekali gus menjejaskan kawasan pesisir pantai.

Ini sekali gus akan memberi kesan ke atas aspek keselamatan dan kesihatan manusia, menggugat pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara serta menyebabkan berlakunya perubahan ke atas landskap dan alam semula jadi.

Gangguan terhadap keseimbangan ekosistem pula akan memberi ancaman terhadap jaminan sumber air dan kelangsungan bekalan makanan. Selain itu, kebergantungan ke atas sumber-sumber tenaga konvensional turut menjadi penyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau dan menjadikan negara lebih terdedah kepada pergolakan ekonomi di peringkat global.



Pemanasan global merupakan satu fenomena pemerangkapan gas yang dikenali sebagai gas rumah hijau yang mana kumpulan gas ini menghalang dan memerangkap haba bumi daripada terbebas keluar ke angkasa. Sifat kumpulan gas ini ialah membenarkan bahang matahari menembusinya tetapi menghalang pembebasan semua bahangan bumi ke atmosfera.

Contoh gas rumah hijau ialah karbon dioksida, karbon monoksida, kloroflorokarbon (CFC), metana, nitrogen oksida dan lain-lain. Kebiasaannya, fenomena pemanasan global dapat dirasai dengan lebih jelas di kawasan kutub utara dan selatan, kawasan pembangunan perindustrian, kawasan perbandaran dan banyak lagi tempat dunia.

Kita perlu sedar bahawa pemanasan global bukan berlaku secara semulajadi. Sebaliknya, kita perlu ingat bahawa isu ini semuanya berpunca daripada perbuatan kita sendiri yang lebih mementingkan keuntungan, keseronokan dan keselesaan duniawi yang berlebihan dan sebagainya.

Kita tidak mampu menghalang pemanasan global daripada terus berlaku tetapi kita masih mempunyai kebijaksanaan bagi mengawal isu ini daripada menjadi semakin parah dalam jangka masa yang singkat sahaja.

Akibat pemanasan global beberapa tempat sudah mula menampakkan perubahan ketara salah satu sebagai contoh ialah Kutub Utara di mana glasier berterusan mencair hingga menyebabkan paras air laut terus meningkat di samping berlakunya hakisan di seluruh dunia.

Malah glasier di pergunungan Himalaya turut mengalami pencairan dua kali ganda lebih daripada awal abad ini. Glasier di Himalaya dikatakan mencair satu setengah kaki hingga ia menjejaskan bekalan air kepada masyarakat setempat.

Tidak hairanlah pemanasan global telah menyebabkan kenaikan paras laut yang mendadak hingga menjejaskan negara-negara yang terletak di dataran yang rendah. Sebagai contoh Bangladesh apabila satu simulasi yang dibuat merumuskan menjelang tahun 2050 sebanyak 30 peratus kawasan rendah negara itu akan ditenggelami air laut buat selama-lamanya.

Ini bermakna sebanyak 18 juta daripada 180 juta rakyat Bangladesh akan kehilangan tempat tinggal dan memaksa mereka berpindah ke tempat lain.

Banyak lagi kawasan-kawasan rendah akan ditenggelami air laut buat selama-lamanya. Ini bukan kejadian banjir monsun tetapi ini disebabkan kenaikan paras air laut berpunca daripada pemanasan global.

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijau Malaysia (YaHijau), Amin Abdullah berkata, Malaysia tidak terkecuali mengalami perubahan iklim dunia akibat pemanasan global sebagai contoh musim kemarau yang melampau, hujan luar biasa, banjir dan taburan hujan yang tidak menentu.



En. Amin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Hijau Malaysia

Menurutnya, di negara barat pula melihat taburan salji yang tidak menentu selain negara terbabit turut dilanda taufan yang semua ini berpunca daripada pemanasan global.

"Sekarang ini di Malaysia kita dapat melihat musim tengkujuh yang dahulunya berlaku antara bulan Oktober hingga Disember tetapi sekarang sudah berubah apabila musim tengkujuh berlaku seawal bulan Jun.

"Kini peranan kita selaku rakyat Malaysia perlu bekerjasama dengan pelbagai usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan proses pemanasan global dapat diperlahankan. Kita tidak berupaya membendungnya kerana masih banyak negara-negara di dunia khususnya negara industri yang masih mengeluarkan gas-gas yang menjejaskan alam sekitar.

"Usaha kita semata-mata tidak mampu untuk membendung daripada berlakunya masalah pemanasan global. Namun, paling tidak kita mahu rakyat Malaysia dapat memahami isu ini dan sanggup bekerjasama melaksanakan usaha kerajaan membangunkan teknologi hijau yang sedikit sebanyak dapat membendung isu pemanasan global," ujarnya ketika ditemui di pejabat YaHijau baru-baru ini.

Justeru beliau berkata, peranan rakyat di negara ini amat diperlukan untuk mengurangkan pemanasan global seperti mengurangkan penggunaan petrol atau diesel ke atas kenderaan awam serta persendirian, mengamalkan kitar semula, projek menanam pokok, menghentikan penebangan hutan yang kini berleluasa, mengurangkan penggunaan arang batu untuk menghasilkan elektrik dan usaha menggunakan tenaga diperbaharui serta mengurangkan pergantungan terhadap bahan api fosil.

Amin menegaskan selain peranan YaHijau, beberapa agensi lain turut bekerjasama membantu seperti Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Sehubungan itu, kerajaan melalui beberapa agensi yang terlibat dengan teknologi hijau telah bekerjasama untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada generasi muda agar mereka lebih peka dengan isu alam sekitar dan masalah pemanasan global," katanya.

Mulai tahun depan, silibus teknologi hijau mula diperkenalkan di kalangan pelajar tingkatan empat dan lima melibatkan lima mata pelajaran iaitu Sains, Kimia, Fizik, Biologi dan Asas Kelestarian.

Amin berkata, pendidikan teknologi hijau dilaksanakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dengan harapan generasi muda akan datang lebih bertanggungjawab tentang penggunaan tenaga dan air dalam memastikan isu pemanasan global dapat dikurangkan.

LAMPIRAN 4
 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 2
 TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)



SEBAHAGIAN daripada ibu bapa yang hadir pada sidang media susulan anak mereka terkesan akibat pencemaran udara di sekitar Pasir Gudang.

Bukan sakit **mental**

■ Bapa kecewa anak diarah jalani rawatan di Hospital Permai



Mohd Sabran Md Sani
 sab@hmetro.com.my

Pasir Gudang

“**I**ni tidak ada kena mengena dengan mental, ini gangguan kesihatan,” kata Abdul Hanif Majid, 45, bapa kepada pelajar yang terkesan akibat pencemaran udara, di sini, sejak Mac dan 20 Jun lalu.

Abdul Hanif berkata, dia kesal apabila anaknya, Nurul Sakinah, 15, yang terkesan dengan dua insiden pencemaran itu dipanggil mendapatkan rawatan di Bahagian Psikiatri Hospital Permai, Tampoi, Khamis lalu.

“Saya kesal mengapa anak saya perlu dapatkan rawatan mental, sedangkan gangguan mental dan kesihatan boleh dibezakan.

“Pada saya, anak tidak ada masalah mental dan mengapa saya perlu layan (membawa anak ke Hospital Permai),” katanya yang tampil berkongsi isu terkini berkaitan mangsa pencemaran udara, di sini.

Katanya, dia mengabaikan perkara itu kerana apa dimahukan supaya anaknya



“**S**aya kesal mengapa anak saya perlu dapatkan rawatan mental, sedangkan gangguan mental dan kesihatan boleh dibezakan”

Abdul Hanif Majid

diberikan rawatan. “Saya lihat sendiri keadaan anak yang lembik dan mulut berbuih di depan saya, setiap kali minta penjelasan pelbagai alasan tidak masuk akal diberikan.

“Saya minta anak menjalani imbasan x-ray pada paru-paru kerana ia membabitkan masalah pernafasan, tetapi doktor enggan melakukannya,” katanya.

Katanya, doktor turut mempersoalkan mengapa perlu dilakukan imbasan x-ray dan apa yang boleh



“**P**ada sesi itu, anak saya diajukan soalan selama kira-kira dua jam dan soalan ditanya lebih kepada situasi kesihatan dihadapinya”

Jamaludin Abdul Malik

dilihat daripadanya. Abdul Hanif berkata, dia menceritakan pengalamannya berdepan denggi dan doktor melakukan imbasan x-ray pada paru-paru untuk melihat kerosakan.

Katanya, dalam kejadian pencemaran pertama pada Mac lalu, dua anaknya yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort berdepan simptom loya, pening dan muntah.

“Seorang anak saya (Nurul Sakinah) dimasukkan ke

wad Hospital Sultan Ismail (HSI) tiga hari dan sekali lagi berdepan simptom sama Jun lalu.

“Gelombang terbaru itu menyebabkan anak sekali lagi dalam keadaan tidak bermaya dan fizikalnya semakin lemah. Paling mengejutkan, bomba dan Jabatan Kimia mengesan bahan radioaktif di dalam rumah, selain meminta kami keluar dan ambil pakaian dari rumah di Taman Tanjung Puteri,” katanya.

Jamaludin Abdul Malik, 41, berkata, anak perempuannya, Nor Syadira Balqis, 13, yang belajar di sekolah sama turut dibawa ke Hospital Permai.

“Saya membawa anak bertemu pakar di Klinik Kanak-Kanak Hospital Permai, Khamis lalu untuk menjalani sesi soal jawab.

“Pada sesi itu, anak saya diajukan soalan kira-kira dua jam dan soalan ditanya lebih kepada situasi kesihatan dihadapinya,” katanya.

Katanya, ketika itu dia berharap ujian darah turut dilakukan ke atas anaknya namun perkara itu tidak berlaku.

Menurutnya, sebagai ibu bapa dia menyokong pelbagai usaha dilakukan termasuk dari segi psikologi, bagaimanapun untuk jangka masa panjang mereka ingin tahu sama ada darah anak tercemar dengan bahan kimia atau sebaliknya.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 1
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

16 sungai nazak

Tinjauan **BH** mendapati tahap pencemaran sekurang-kurangnya 16 sungai yang mengalir melalui Johor Bahru dan Pasir Gudang ke Selat Johor amat kritikal, dipenuhi sampah-sarap plastik dan tayar terpakai sehingga membentuk pulau kecil yang menyebabkan air sungai hitam dan mengeluarkan bau busuk yang meloyakan. *Muka 12/13*

Eksklusif



LAMPIRAN 5 (SAMB.)
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 12
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Nasional

Air busuk, sampah sarap bertali arus

Pihak berkuasa didakwa gagal atasi pencemaran sehingga 16 sungai nazak

Oleh Mohamed Farid Noh dan
Mohd Fahmi Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Tahap pencemaran sekarang-kurangnya 16 sungai yang mengalir melalui daerah ini dan Pasir Gudang, dikesan semakin kritikal dan dikatakan gagal ditangani dengan berkesan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Malah, ada sungai di tahap nazak dengan dipenuhi sampah-sarap dari sekecil-kecil plastik sehingga layar terpakai, malah membentuk pulau kecil menyebabkan air sungai hitam pekat dan mengeluarkan bau busuk yang melayakan.

Wartawan dan jurugambarsejak tiga hari lalu, melakukan tinjauan lebih dekat dan mendapati, beberapa sungai yang mengalir ke Selat Johor di Pasir Gudang dan Johor Bahru, keadaannya sangat menyedihkan dan tercemar teruk.

Menyusuri Sungai Perembi, Sungai Buluh dan Sungai Tukang Batu yang mengalir di tengah-tengah kawasan industri di situ, adalah yang paling terjejas.



**Analisis sampel
air Selat Johor
mendapati ia turut
dicemari logam
berat bertoksik,
termasuk plumbum,
kromium, cadmium,
arsenik dan nikel.**

Faizuan Abdullah,
Pensyarah Kanan Jabatan
Kimia, Fakulti Sains UTM

Meskipun Laporan Kualiti Alam Sekitar (EQR) dikeluarkan **Jabatan Alam Sekitar (JAS)** dua tahun lalu menyenaraikan Sungai Tukang Batu sebagai sungai Kelas V, iaitu dianggap 'sungai mati', manakala Sungai Perembi, Sungai Masai dan Sungai Buluh dikelaskan tercemar, apa yang didapati ia tidak banyak berubah.

Tinjauan di muara Sungai Perembi yang boleh diakses dari Jalan Pekeliling di sini, mendapati airnya keruh, berwarna ocklat pekat selain sampah sarap dibuang pihak tidak bertanggungjawab.

Airnya juga busuk bercampur bau melayakan yang dipercayai berpunca dari kilang di sekeliling, menyebabkan sesapa sahaja pasti tidak dapat berada lama di kawasan terbabit.

Lokasi kedua tinjauan, Sungai Buluh yang hanya 300 meter dari Sungai Perembi. Airnya juga hitam pekat dan mengeluarkan bau teramat busuk, pelbagai sampah sarap, termasuk tayar terpakai dan plastik memenuhi tebing, selain kesan hitam jelas kelihatan dipercayai minyak.

Tinjauan ke muara Sungai Ma-

sai yang boleh diakses dari Lebuhraya Pasir Gudang, kira-kira dua kilometer dari Sungai Buluh, mendapati airnya juga hitam dan berbau busuk.

Difahamkan, pembersihan sisa kimia pernah dibuat di sungai ini susulan pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Mac lalu.

Semua sungai berkenaan terus berhubung dengan Selat Johor dan terletak berhampiran kawasan Punggol serta Seletar, Singapura.

Tinjauan *BH* diteruskan ke Sungai Skudai di sebelah barat Selat Johor. Keadaannya cukup menyedihkan, dengan sampah sarap bertali arus dibawa air yang berbau busuk serta melayakan.

Pensyarah Kanan Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Faizuan Abdullah yang melakukan kajian di Selat Johor bermula 2008 hingga 2016, mengakui isu pencemaran perairan itu gagal ditangani dengan berkesan.

Beliau berkata, ada pelbagai elemen pencemaran berlaku, termasuk dari sisa industri, loji kumbahan, air basuhan domestik se-

lain sampah sarap.

"Semuanya membahayakan hidupan marin di Selat Johor, yang juga muara besar kepada puluhan sungai kecil yang mengalir terus ke situ.

"Namun, pencemaran berterusan tidak ditangani dengan berkesan, hidupan marin terutama kupang terancam dan hampir pupus.

"Analisis sampel air Selat Johor mendapati ia turut dicemari logam berat bertoksik, termasuk plumbum, kromium, cadmium, arsenik dan nikel," katanya.

Faizuan berkata, kandungan toksik logam berat dari sungai terbabit pernah mencapai paras bacaan tertinggi melebihi 1.5 bahagian setiap juta (ppm), berbanding bawah paras bahaya iaitu 1.0, pada 2013, 2014 dan 2015.

Menerusi kajian selama lapan tahun itu, beliau merumuskan dapatan bahawa kepesatan pembuangan di kawasan sungai mengahala Selat Johor, menyebabkan kualiti air selat itu semakin merosot setiap tahun.

Beliau yang memfokuskan kajiannya kepada pencemaran yang



16 SUNGAI NAZAK DI JOHOR BAHRU DAN PASIR GUDANG



- | | | |
|-------------------------------------|----------------------------------|------------------------------------|
| 1. Sungai Kopok, Pasir Gudang | 7. Sungai Masai, Pasir Gudang | 12. Sungai Skudai, Johor Bahru |
| 2. Sungai Kim Kim, Pasir Gudang | 8. Sungai Rekoh, Pasir Gudang | 13. Sungai Danga, Johor Bahru |
| 3. Sungai Tukang Batu, Pasir Gudang | 9. Sungai Plentong, Pasir Gudang | 14. Sungai Melayu, Johor Bahru |
| 4. Sungai Laloh, Pasir Gudang | 10. Sungai Tebrau, Johor Bahru | 15. Sungai Perapat, Johor Bahru |
| 5. Sungai Buluh, Pasir Gudang | 11. Sungai Stulang, Johor Bahru | 16. Sungai Pentas, Iskandar Puteri |
| 6. Sungai Perembi, Pasir Gudang | | |



Keadaan air di Sungai Buluh, Pasir Gudang, berwarna hitam seolah-olah dilipisi minyak. (Foto Mohd Azren Jamaludin/BH)

LAMPIRAN 5 (SAMB.)
 BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 13
 TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)



Kedaaan Sungai Danga di Johor Bahru.
(Foto Zain Ahmed/BH)

menyebabkan hidupan marin, terutama kupang hampir pupus, berkata pelbagai elemen pencemaran menjejaskan puluhan sungai yang mengalir ke Selat Johor dan dipercayai meracuni hidupan marin di situ.

"Saya mengkaji kualiti air Sungai Skudai, Sungai Danga, Sungai Melayu, Sungai Perepat dan Sungai Pendas secara khusus.

"Ada pelbagai elemen pencemaran, termasuk dari sisa industri, loji kumbahan, air basuhan domestik selain sampah sarap.

"Semua punca pencemaran ini membahayakan hidupan marin di Selat Johor, yang juga muara besar kepada puluhan sungai kecil yang mengalir terus ke situ, sekali gus menjadi pusat semua sisa pencemaran yang sudah terkumpul di situ sekian lama," katanya.

BH pernah melaporkan terdapat 1,780 premis industri komersial, 1,532 lagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta 173 loji kumbahan di sepanjang lembangan Sungai Skudai sejauh 46 kilometer (km) itu.

Fakta Nombor

1,780

premis

industri komersial sepanjang lembangan Sungai Skudai

1,532

premis

perusahaan kecil dan sederhana di sepanjang lembangan Sungai Skudai

173 loji

kumbahan di sepanjang lembangan Sungai Skudai



Seorang nelayan menolak sampah yang terapung dalam sungai di sepanjang jajaran sungai Skudai. (Foto Zain Ahmed/BH)

Pihak berkuasa digesa pulih sungai

Johor Bahru: Pihak berkuasa berkaitan dikesak mengambil tindakan tegas dan menyeluruh, memulihkan sungai yang tercemar di daerah ini dan Pasir Gudang, serta memastikan ia tidak lagi menjadi mangsa pihak tidak bertanggungjawab.

Kakitangan awam, Nabihah Mohd Mustar, 29, berkata pihak berkuasa sepatutnya menyedari senarai sungai yang kotor dan sudah lama mengambil tindakan tegas serta menyeluruh.

"Ia membimbangkan kerana sungai tercemar ini mengalir memasuki Selat Johor, yang jadi tempat penduduk kampung mencari rezeki.

"Kami harap tindakan segera diambil untuk pulihkan sungai terbahit," katanya.

Nelayan berpangkalan di Jati Taman Tampoi Utama, Yusof Dollah, 60, yang mendakwa hidupan di Sungai Skudai hampir pupus, dengan kali terakhir nelayan menaikkan hasil dari sungai itu adalah 19 tahun lalu, sebelum pencemaran semakin buruk.

"Selepas itu, sampah makin banyak dibuang. Dulu, tidak banyak taman perumahan, apatah lagi kawasan perindustrian di sepanjang Sungai Skudai, sekarang sepanjang sungai dipenuhi taman perumahan dan kilang, dari Senai se-

hingga Tampoi.

"Selepas hujan, longgokan sampah hanyut membentuk pulau kecil yang membukit sehingga jaring penahan sampah koyak.

"Sedihnya sungai tetap tidak dibersihkan, jadi macam tong sampah terbuka," katanya yang mengesyaki sisa industri dialirkan secara tersembunyi ke dalam sungai.

Seorang lagi nelayan, Yusof Setam, 60, berkata Sungai Skudai seolah-olah sungai mati kerana tidak lagi berfungsi seperti 30 tahun lalu, malah pihak berwajib juga tidak membersihkan longgokan sampah di dalamnya.

"Apabila air surut, dasar sungai jadi tempat buang sampah," katanya sambil menambah, sekitar 1980-an, nelayan Sungai Skudai mampu menaikkan berpuh kilogram ikan sehari namun kini untuk mendapat lima ekor ikan pun belum pasti.

"Kira-kira 250 nelayan di sini terpaksa keluar sehingga ke perairan Pontian, untuk mencari hasil tangkapan," katanya.

Beliau mendakwa, ada nelayan mengalami masalah kesihatan, termasuk sesak nafas, batuk dan selesma berpanjangan walaupun sudah mendapat rawatan, manakala kaki atau kulit yang terkena lumpur sungai akan melepuh dan

membengkak seperti terkena racun.

Sementara itu, penduduk Taman Bukit Dahlia, Md Nazim Alias, 32, berkata beliau setiap hari melalui jalan berhampiran Sungai Masai untuk ke tempat kerja di Taman Daya dan keadaan sungai itu yang kotor dengan air yang hitam, tidak pernah berubah sejak hampir sedekad lalu.

Pensyarah Kanan Jabatan Kimia, Fakulti Sains, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Faizuan Abdullah yang melakukan kajian di Selat Johor bermula 2008 hingga 2016, berkata sebelum ini kawasan perairan itu adalah lubuk hidupan marin terutama kupang dan pelbagai jenis ikan.

"Topografi dan geografinya separa tertutup, satu-satunya selat dalam bentuk demikian di negara kita.

"Aliran air perlahan dan plankton yang menjadi makanan hidupan laut juga banyak, menjadikan selat ini khazanah amat berharga, bukan sahaja bagi Johor

tetapi juga negara," katanya.

Namun, katanya, selat itu dicemari toksik logam berat yang merencatkan status Selat Johor, sebagai perairan kaya hasil marin dan sumber rezeki kepada nelayan.



Sampah yang membentuk pulau kecil berhampiran Taman Tampoi Utama Johor Bahru. (Foto Zain Ahmed/BH)



dasar sungai jadi tempat buang sampah.

Yusof Setam,
Nelayan

Sungai Skudai seolah-olah sungai mati kerana tidak lagi berfungsi seperti 30 tahun lalu, malah pihak berwajib juga tidak bersihkan sampah di dalamnya. Apabila air surut,



Selepas itu, sampah makin banyak dibuang.

Yusof Dollah,
Nelayan

Hidupan di Sungai Skudai hampir pupus, dengan kali terakhir nelayan menaikkan hasil dari sungai itu adalah 19 tahun lalu, sebelum pencemaran semakin buruk.



LAMPIRAN 6
THE SUN DAILY: MUKA SURAT 2
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

**ANTI-LYNAS GROUP WANT
TO MEET PM**

KUALA LUMPUR: The Save Malaysia Stop Lynas coalition wants to meet Tun Dr Mahathir Mohamad ahead of a Cabinet meeting on whether to renew Australian company Lynas Corp's operating licence for its rare earth processing plant in Gebeng, Kuantan. A spokesman for the coalition, Tan Bun Teet, said: "We felt the government should listen to both sides. The people who voted them into governance should have a say too." He also said he wanted to highlight the potential dangers of the radioactive waste produced by Lynas and the concerns raised by the people of Kuantan.

LAMPIRAN 7
 SINAR HARIAN (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 40
 TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

'Tolonglah selesaikan'

Ibu bapa rayu kerajaan selesaikan masalah pencemaran

RAZIATUL HANUM
 A RAJAK@ATAN

PASIR GUDANG

Sekumpulan ibu bapa murid mangsa pencemaran udara di Pasir Gudang merayu kerajaan negeri menyelesaikan masalah berkenaan berikutan kejadian masih berulang.

Mereka kecewa kerana isu itu seolah-olah tidak ditangani sewajarnya dan mendakwa anak-anak

mengalami simptom sama serta tidak aktif seperti sebelum ini.

Siti Hawa Tumpang, 48, mengakui kesihatan anak-anaknya turut terkesan namun puncanya masih belum dikenal pasti.

Menurutnya, gangguan kesihatan itu terus berulang beberapa kali tanpa kesudahan.

"Sehingga kini dua anak perempuan saya masih sakit dada dan kepala. Sampai bila mereka perlu bertahan," katanya.

Menurutnya, anak-anak kerap tidak ke sekolah kerana masalah kesihatan dan dia bimbang pelajaran akan terganggu.

Siti Hawa merayu kerajaan mengatasi masalah pencemaran yang memang menjejaskan pelajaran dan kesihatan pelajar.



Sebahagian ibu bapa yang mahu masalah pencemaran diselesaikan segera.

"Saya minta kerjasama pihak bertanggungjawab. Sudahlah tiada bantuan jadi tolong ambil berat keselamatan pelajar ini," katanya kepada pemberita pada sidang di Taman Pasir Putih semalam.

Sementara itu, **Siti Nor**

Azizah Amat, 33, berkata, anak sulungnya, Nor Afrina Balqis Muslihat, 11, mengalami gangguan kesihatan sebanyak tiga kali sehingga kerap tidak ke sekolah.

Wanita itu juga bimbang kesihatan anaknya akan kembali terganggu

kerana sudah tiga kali masalah sama berlaku.

"Kalau dia tak sihat, memang saya tak bagi dia pergi sekolah. Setiap hari saya fikir banyak kali untukantar dia ke sekolah," katanya.

Siti Nor Azizah juga mengakui trauma mende-

ngar siren ambulans kerana bimbang kejadian berulang.

Menurutnya, sebelum ini anaknya dimasukkan ke hospital dan ada pengambilan sampel darah untuk ujian tetapi keputusannya belum diketahui.

Seorang lagi bapa pelajar, **Abdul Hanif Majid** kesal kerana anaknya perlu pergi ke Hospital Permai baru-baru ini.

"Bagaimana kerajaan nak menjamin keselamatan anak kami? Saya tidak menyalahkan sesiapa tapi kami diberi pelbagai alasan yang tidak masuk akal," katanya.

Abdul Hanif yang tinggal di Tanjung Puteri Resort berkata, dia pernah memohon pihak hospital melakukan imbasan x-tray tetapi ditolak sebelum diminta pergi ke Hospital Permai.

LAMPIRAN 8
KOSMO! (NIAGA): MUKA SURAT 46
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Gading Kencana bida projek LSS3

KUALA LUMPUR – Gading Kencana Sdn. Bhd. (Gading Kencana) sedang melengkapkan laporan terakhirnya untuk dikemukakan bagi menyertai bidaan Projek Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar Pusingan Ketiga (LSS3).

Penyerahan cadangan bidaan terbuka bagi projek yang bakal menawar jumlah kapasiti pengeluaran tenaga sebanyak 500 megawatt (MW) itu akan ditutup pada pertengahan bulan Ogos ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Ir. Guntor Tobeng Mansur berkata, berdasarkan pengalaman syarikat dalam industri tersebut, pihaknya optimis untuk menjadi salah sebuah syarikat terpilih dalam projek berkenaan.

“Melalui rekod projek ladang solar yang diuruskan pada masa sekarang, kami memberi banyak kelebihan kepada penduduk tempatan dengan menawarkan

peluang pekerjaan dan juga menjadi penyumbang kepada pendapatan kerajaan negeri melalui pembayaran cukai,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengenai perkembangan terbaharu syarikat di sini baru-baru ini.

Gading Kencana yang memiliki dua buah ladang solar yang terletak di Melaka dan juga di Bidor, Perak merupakan satu-satunya syarikat milik individu bumiputera yang akan bersaing dalam bidaan projek LSS3 bersama syarikat utama terkenal di Malaysia dan pelabur dari China.

Tambah Guntor, bagi projek LSS3 yang menawarkan kapasiti 500 MW, ia bakal melibatkan pemilihan sebanyak lima buah syarikat dengan tawaran 100 MW setiap satu.

“Bagi projek LSS3 berkapasiti 100 MW untuk satu lesen, ia



GUNTOR di hadapan projek ladang solarnya di Bidor, Perak baru-baru ini.

bakal melibatkan kos sehingga RM500 juta,” jelasnya.

Menurut Guntor, bagi projek terbaharu ini, syarikat mencadangkan untuk membeli tanah seluas 200 hektar di Perak yang menempatkan bekas lombong bijih timah sebagai usaha untuk memasang panel solar terapung di situ.

“Pada permukaan lombong terbiar itu, kami akan memasang panel solar dan di dalam lombong tersebut pula akan dipelihara ikan air tawar,” jelasnya.

Selain itu, Gading Kencana telah bekerjasama dengan Kelantan Utilities Mubaaraka Holdings Sdn. Bhd. (KUM) un-

tuk memasang solar PV sistem di loji rawatan air (LRA), medan telaga milik syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) serta di atas bumbung melibatkan 40 buah bangunan kerajaan dan bangunan komersial di negeri Kelantan.

Guntor menjelaskan, tujuan utama pemasangan panel solar itu adalah untuk mengurangkan bil elektrik yang tinggi di LRA dan medan telaga AKSB.

“Dianggarkan sebanyak 7.8 MW kapasiti akan dipasang di loji rawatan air serta medan telaga milik AKSB di mana ia akan memberikan penjimatan bil elektrik kepada AKSB dalam anggaran RM4 juta setahun bagi kesemua 19 loji rawatan air serta medan telaga milik AKSB mengikut tarif kategori yang ditetapkan.

“Kami menjangkakan jumlah perolehan daripada projek ini ialah RM134 juta,” jelasnya.



LAMPIRAN 9
 BERITA HARIAN (DUNIA): MUKA SURAT 72
 TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

150 juta terjejas cuaca panas di AS

Washington: Rakyat Amerika Syarikat (AS) berdepan cuaca panas kali kedua semalam, dengan suhu waktu siang diramal mencecah 38 darjah Celsius di beberapa bandar utama.

Fenomena gelombang haba melampau dialami dari dataran Midwest sehingga pantai Atlantik dengan hampir 150 juta penduduk terjejas.

“Suhu hari ini dan esok mungkin paling tinggi sejak beberapa tahun lalu. Sila ambil serius,” kata Datuk Bandar New York, Bill de Blasio di Twitter.

Suhu panas dijangka berterusan sehingga lewat semalam ketika sistem bertekanan tinggi di pantai Atlantik membawa udara panas subtropika.

“Keadaan panas merbahaya akan berterusan sehingga Ahad,” kata Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS), memberi amaran kepada kawasan Washington dan Baltimore di mana peramal menjangka suhu tinggi antara 35 dan 38 darjah Celsius untuk hari kedua.

Katanya, suhu tinggi dan kelembapan mungkin menye-



Penduduk berendam di sebuah taman di kejiranan Navy Yard kelmarin berikutan cuaca panas di beberapa bandar di AS (Foto AFP)

babkan kepanasan haba atau strok haba jika langkah berjaga-jaga tidak diambil.

Justeru, orang ramai disarankan kekal hidrat, menjaga in-

dividu sakit dan warga emas, berada dalam rumah dan tidak meninggalkan kanak-kanak atau haiwan dalam kenderaan. AFP

LAMPIRAN 10
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 41
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Manusia akan melombong di Bulan pada abad ini

HOUSTON, Texas – Manusia akan mula melombong permukaan Bulan untuk galian berharga seperti platinum pada 'abad ini', kata Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan Amerika Syarikat (NASA), Khamis lalu dalam satu temu ramah bersama saluran berita *CNBC*.

Pegawai Tadbir NASA, Jim Bridenstine berkata, tambahan pelaburan dan perkembangan teknologi baharu akan membuka pintu untuk mendapatkan bahan galian tersebut.

Sebilangan bilionair berminat membantu NASA untuk kembali ke Bulan dan membina pangkalan yang kekal termasuk melombong di sana, kata Bridenstine.

"Mereka melabur dalam penerokaan angkasa lepas dan NASA juga akan mendapat manfaat," katanya.

Menurut *CNBC*, antara bilionair yang disebut Bridenstine termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Amazon, Jeff Bezos dan pemilik SpaceX, Elon Musk.

Bezos yang memiliki syarikat aeroangkasa, Blue Origin berkata, transit pantas ke permukaan Bulan akan membolehkan perindustrian berkembang di sana.

"Lambat-laun, adalah jauh



GAMBARAN artis menunjukkan sebuah lombong dibina di permukaan Bulan bagi mendapatkan logam berharga.

lebih murah dan mudah untuk menghasilkan benda rumit di angkasa lepas dan menghantar objek tersebut pulang ke bumi," jelas Bezos kepada rancangan berita *CBS Evening News*.

Antara galian disasarkan untuk dilombong termasuk bijih logam bagi tujuan pembinaan, pengeluaran produk dan banyak lagi.

"Mungkin terdapat bertant platinum di Bulan. Logam nadir ini sangat bernilai di

Bumi," tambah Bridenstine dalam temu ramah tersebut.

Selain platinum, saintis percaya Bulan mungkin dipenuhi silikon yang digunakan dalam pembuatan cip komputer di samping titanium dan aluminium.

CNBC turut melaporkan bahawa logam tersebut menjadi sumber bernilai kepada Amerika Syarikat susulan ketegangan dengan China. Lebih 80 peratus

bahan nadir bumi sedia ada datang dari China.

Sementara itu, NASA baru-baru ini mengumumkan rancangan untuk kembali ke Bulan melalui satu program dinamakan Artemis.

Misi itu akan melibatkan 37 pelancaran kapal angkasa dalam masa lebih 10 tahun dan berakhir dengan pembinaan sebuah pangkalan di Bulan menjelang tahun 2028.

– Agensi

NASA

LAMPIRAN 11
 UTUSAN MALAYSIA (LUAR NEGARA): MUKA SURAT 41
 TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Fenomena gelombang haba 'membakar' Amerika Syarikat

NEW YORK 21 Julai - Fenomena gelombang haba yang mengakibatkan peningkatan suhu sehingga 41 darjah Celsius melanda bahagian tengah dan timur Amerika Syarikat (AS).

Channel News Asia melaporkan, pakar meteorologi, Jabatan Ramalan Kaji Cuaca AS, Alex Lamers berkata, keadaan tersebut mengakibatkan cuaca panas luar biasa.

"Keadaan cuaca cukup panas di beberapa kawasan termasuk lembah Mississippi sehingga pantai timur," katanya.

Menurut jabatan berkenaan, gelombang haba merupakan fenomena paling berbahaya berbanding dengan fenomena-fenomena cuaca yang lain.

Penduduk-penduduk di sekitar Chicago sehingga New York dinasihatkan mendapatkan bantuan di pusat-pusat penyejukan yang diwujudkan di pelbagai kawasan termasuk perpustakaan dan kompleks beli belah.

Dalam pada itu, jurucakap kerajaan tempatan, Deana Gam-

ble memberitahu, kira-kira 250 warga emas yang ditempatkan di pusat komuniti persaraan di Philadelphia diarahkan pulang ke kediaman masing-masing semalam selepas berlaku gangguan bekalan elektrik yang mengakibatkan kegagalan fungsi pendingin hawa.

Ramai antara mereka yang terpaksa berpindah ke pusat perlindungan yang dibina di sekolah menengah barat Philadelphia.

Suhu panas berlanjutan menjelang waktu malam di Rockford, Illinois, kejadian pertama sejak tahun 1918.

Boston mencatatkan peningkatan suhu sehingga 40 darjah Celsius menjelang tengah hari.

Jelas Lamers, antara kawasan lain yang turut berdepan krisis sama adalah New York (38 darjah Celsius) yang diramalkan berdepan cuaca sehingga 43 darjah Celsius dan Washington (41 darjah Celsius) dengan ramalan peningkatan sehingga 44 darjah Celsius



ORANG ramai dan kanak-kanak menyejukkan badan di kawasan air pancut di Manhattan ketika fenomena gelombang haba. Kawasan Chichago turut dilanda gelombang haba atau cuaca panas melampau menyebabkan orang ramai mandi di kawasan air pancut. - AFP



LAMPIRAN 12
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 43
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

150 juta penduduk AS alami kepanasan, suhu cecah 38 Celsius

Gelombang haba terus melanda



ORANG ramai menyejukkan badan di sebuah kolam renang awam pada waktu tengah hari di daerah Queens, Bandar Raya New York kelmarin.

WASHINGTON

Amerika Syarikat (AS) semalam berdepan gelombang haba kedua yang suhunya sama tinggi seperti yang sebelum ini semalam, dengan suhu pada waktu siang di beberapa bandar utama di negara berkenaan mencecah 38 darjah Celsius.

Gelombang haba yang mula melanda bahagian Barat Tengah AS hingga ke kawasan pantai Atlantik kelmarin menyebabkan 150 juta penduduk bergelut untuk menyejukkan badan kelmarin.

Rantau tersebut meliputi beberapa negeri termasuk Dakota Utara, Dakota Selatan, Nebraska, Minnesota,

Iowa, Missouri, Wisconsin, Illinois, Kansas, Michigan dan Indiana.

"Suhu yang dialami di kota raya kita mungkin adalah yang tertinggi sejak beberapa tahun lalu. Sila ambil serius," kata Datuk Bandar New York, Bill de Blasio dalam satu kenyataan di Twitter.

"Suhu tinggi serta kelembapan boleh menyebabkan strok haba jika langkah berjaga-jaga tidak diambil," kata Perkhidmatan Cuaca Nasional(NSW) pula.

Orang ramai digesa minum dengan kerap, menjaga mereka yang sakit serta warga tua, tidak meninggalkan kediaman selagi boleh dan tidak membiarkan kanak-

kanak atau haiwan di dalam kereta.

Gelombang haba yang melanda AS mengorbankan tiga nyawa setakat ini.

Di Arkansas, bekas pemain Liga Bola Sepak Amerika (NFL) yang berusia 32 tahun, Mitch Petrus meninggal dunia akibat strok haba Khamis lalu selepas bekerja di luar kedai keluarganya.

Amaran gelombang haba turut dikeluarkan di sebahagian kawasan di timur Kanada.

Sementara itu, acara Triatlon Bandar New York yang dijadualkan semalam dibatalkan buat kali pertama sejak ia mula diadakan pada tahun 2001. - AFP



LAMPIRAN 13
SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 47
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

Ulang tahun ke-50 misi ke bulan

Masyarakat dunia rai detik bersejarah ekspedisi Apollo 11

HOUSTON

Ini adalah satu langkah kecil untuk manusia, satu lompatan besar untuk seluruh manusia.

Kata-kata itu pertama kali dilontarkan Neil Armstrong ketika beliau menjadi angkasawan pertama menjejakkan kaki di bulan 50 tahun lalu yang turut diraikan peminat angkasa lepas di seluruh dunia kelmarin.

Detik bersejarah pendaratan Apollo 11 di bulan pada 1969 yang menjadi pencapaian terhebat manusia itu turut disaksikan lebih setengah bilion penduduk di seluruh dunia.

Tanggal 20 Julai 1969 pada jam 4.18 petang, modul lunar



Gambar pertama yang memaparkan wajah Armstrong dengan jelas ketika misi itu.

yang membawa Armstrong dan angkasawan, Buzz Aldrin mendarat di Sea of Tranquility selepas perjalanan selama empat hari.

Agensi Pentadbiran Angkasa Lepas dan Aeronautik Kebangsaan (NASA) turut memainkan semula rakaman asal disiarkan stesen CBS.

"Houston, Pangkalan Tranquility di sini. The Eagle telah mendarat," kata Armstrong.

Sejak beberapa minggu lalu, NASA telah meraikan ulang tahun bersejarah itu dengan pameran dan pelbagai acara diadakan di seluruh negara termasuk menayangkan roket Saturn V

dan klip misi tersebut pada Monumen Washington.

"Mengimbas kembali, pendaratan manusia di bulan bukan hanya pekerjaan kami, namun ia adalah peluang bersejarah untuk membuktikan kepada dunia semangat tidak putus asa Amerika," kata Aldrin, 89, menerusi Twitter.

Terdahulu, Timbalan Presiden, Mike Pence menyampaikan ucapan dari Cape Canaveral di mana Armstrong, Aldrin dan Michael Collins berlepas.

Ketiga-tiga mereka dilahirkan pada 1930 dan Armstrong meninggal dunia pada 2012.

"Apollo 11 adalah satu-satunya peristiwa pada abad ke-20 yang mempunyai peluang untuk terus diingati pada abad ke-30," kata Pence.

Ulang tahun kelmarin turut menyaksikan angkasawan AS, Itali dan Rusia berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Alexander Skvortsov dari

Misi 2024

- NASA mengumumkan hasrat untuk kembali ke bulan di bawah program Artemis yang akan turut menghantar angkasawan wanita pertama pada 2024
- Ia merancang untuk menubuhkan platform pengorbit bulan digelar Gateway yang akan mengkaji bagaimana organisma hidup bertindak balas terhadap radiasi dan mikrograviti persekitaran ruang dalam untuk tempoh yang panjang disusuli misi ke Marikh pada 2030-an

Agensi Angkasa Rusia (Roscosmos), Andrew Morgan dari NASA dan Luca Parmitano dari Agensi Angkasa Eropah memulakan perjalanan ke makmal pengorbit itu dari Baikonur Cosmodrome di Kazakhstan. - AFP

LAMPIRAN 14
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 57
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

NATIONAL PRIDE

INDIA TO LAUNCH CHANDRAYAAN-2

Rocket lift-off has been scheduled at 2.43pm local time today


SRIHARIKOTA

INDIA will make a second attempt today to send a landmark spacecraft to the moon after an apparent fuel leak forced last week's launch to be aborted.

The South Asian nation is bidding to become just the fourth nation — after Russia, the United States and China — to land a spacecraft on the moon.

The mission comes 50 years after Neil Armstrong became the first person to step foot on the moon, an occasion celebrated globally on Saturday.

The fresh launch attempt for Chandrayaan-2 — Moon Chariot 2 in some Indian languages including Sanskrit and Hindi — has been scheduled for 2.43pm today, the Indian Space Research Or-



Indian Space Research Organisation scientists working on the orbiter vehicle of 'Chandrayaan-2' in Bangalore recently. AFP PIC

ganisation (ISRO) said.

"Chandrayaan-2 is ready to take a billion dreams to the moon — now stronger than ever before!" it said on Thursday.

The first launch attempt was scrubbed just under an hour before the scheduled lift-off because of what authorities described as a "technical snag".

Local media, citing ISRO officials, said the issue was a fuel leak. The agency tweeted on Saturday that a rehearsal for the launch was successful.

Chandrayaan-2 will be launched atop a Geosynchronous Satellite Launch Vehicle MkIII, India's most powerful rocket.

Experts said setbacks were to

be expected in such missions given their complexity, and that it was more prudent to delay the launch instead of taking risks that may jeopardise the project.

"In such an ambitious and prestigious mission like Chandrayaan, one cannot take a chance even if a small flaw is detected," said Rajeswari Pillai Rajagopalan, head of space policy at the New Delhi think tank, the Observer Research Foundation.

Former National Aeronautical and Space Administration scientist Kumar Krishen said India's space agency should be praised for taking on ambitious projects like Chandrayaan-2.

"We should keep in mind that space exploration is risky as many systems have failed in the past and lives were lost," he said.

About US\$140 million (RM574 million) has been spent on preparations for the mission, a much smaller price tag compared with similar missions by other countries — whose costs often run into billions of dollars.

Chandrayaan-2, and India's space programme as a whole, are a source of national pride. Prime

Minister Narendra Modi has outlined an ambitious plan to launch a crewed space mission by 2022.

The new mission comes almost 11 years after the launch of India's first lunar mission — Chandrayaan-1 — which orbited the moon and searched for water.

The rocket carrying Chandrayaan-2 will launch from the Satish Dhawan Space Centre here, an island off the coast of the southern Andhra Pradesh State.

The spacecraft will carry an orbiter, lander and a rover, which has been almost entirely designed and made in India.

The orbiter is planned to circle the moon for about one year, imaging the surface and studying the atmosphere.

The lander, named Vikram, will head to the surface near the lunar South Pole carrying the rover. Once it touches down, the rover will carry out experiments while being controlled remotely by ISRO scientists.

It is expected to work for one lunar day, the equivalent of 14 Earth days, and will look for signs of water and "a fossil record of the early solar system". **AFP**



LAMPIRAN 15
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 53
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)



The Soyuz MS-13 spacecraft blasting off from the Baikonur Cosmodrome on Saturday. REUTERS PIC

REMEMBERING 1969 MOON LANDING

Astronauts blast into space on Apollo 11's 50th anniversary

BAIKONUR (Kazakhstan): United States, Italian and Russian astronauts blasted into space on Saturday, headed for the International Space Station, in a launch coinciding with the 50th anniversary of the Apollo 11 moon landing.

Alexander Skvortsov of the Russian space agency Roscosmos, National Aeronautics and Space Administration's Andrew Morgan and Luca Parmitano of the European Space Agency set off on a six-hour journey to the orbiting science lab from the Baikonur Cosmodrome in Kazakhstan at 4.28pm

Roscosmos website, after the Soyuz MS-13 spacecraft entered the space, stated that "all stages of the flight proceeded according to plan".

A TV commentator hailed a "textbook launch" amid sweltering weather here, where daytime temperatures reached 43°C on Saturday.

The blast coincided with the date that Neil Armstrong and Buzz Aldrin landed on the moon in 1969.

Of the trio launching from here, only 53-year-old Skvortsov had been born at the time of the moon landing. **AFP**

LAMPIRAN 16
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 54
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)

WARNINGS ISSUED

U.S. DANGEROUSLY HOT

150 million struggling in heatwave stretching from Midwestern plains to Atlantic coast

WASHINGTON D.C.

AMERICANS braced for a second — and equally scorching — day of dangerously hot weather yesterday, with daytime temperatures forecast to approach 38°C across a number of major US cities.

An oppressive heatwave stretching from the Midwestern plains to the Atlantic coast had nearly 150 million people struggling to stay cool amid stifling temperatures on Saturday.

“The temperatures we’re seeing in our city today and tomorrow could be the highest we’ve seen in



A man relaxing outside his house on a hot day in Ocean Grove, New Jersey, on Saturday.

AFP PIC

years. Take it seriously,” New York Mayor Bill de Blasio said.

The heat continued through late yesterday as a high-pressure weather system off the Atlantic coast ushered in steamy, subtropical air.

The heat wave already claimed at least three lives, including two earlier in the week in the eastern state of Maryland.

In Arkansas, former NFL player Mitch Petrus, 32, died of heatstroke on Thursday after working

outside his family’s shop.

Heat warnings have also been issued for parts of eastern Canada. In New York, de Blasio declared a heat emergency.

The New York City Triathlon, which had been scheduled yesterday, was cancelled for the first time since its founding in 2001.

In Boston, where the weather service said that Saturday and Sunday would be “major scorchers”, city officials scrapped entry fees at public pools. **AFP**



LAMPIRAN 17
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 54
TARIKH: 22 JULAI 2019 (ISNIN)



A firefighter monitoring the wildfire in Amendoa, Portugal yesterday.

AFP PIC

1,000 FIREFIGHTERS DEPLOYED

Wildfires force Portugal evacuations

AMENDOA (Portugal): More than 1,000 firefighters battled yesterday to control huge wildfires that have forced village evacuations in central Portugal, where dozens were killed in huge blazes in 2017.

Early yesterday morning, more than 1,000 firefighters and 400 vehicles had been deployed to fight the blazes in the mountainous and heavily forested Castelo Branco region, 200km north of Lisbon, according to the Civil Protection's website.

Efforts to douse the flames us-

ing 20 aeroplanes and helicopters had been halted as night fell.

A civilian who suffered serious injuries was evacuated by helicopter to Lisbon, Luis Belo Costa, the commander of the Civil Protection for the region said.

Four firefighters were reportedly injured, and three more were hurt when their fire engine collided with another.

The army said it was dispatching 20 soldiers and machinery to open routes "to facilitate access" for the firefighters. **AFP**